

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Language Centre
Sent: 20 Oktober 2015 10:44
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'MASIHKAN KAU INGAT' DINOBAT SEBAGAI NAIB JOHAN PERTANDINGAN LAGU
PUI SI PERINGKAT KEBANGSAAN ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA



PUSAT BAHASA
Language Centre
Universiti Utara Malaysia

20 OKTOBER 2015 / 7 MUHARRAM 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh : Pusat Bahasa
Gambar oleh : Nasrol Hadi Ahmad Shukeri

**'MASIHKAN KAU INGAT' DINOBAT SEBAGAI NAIB JOHAN PERTANDINGAN LAGU PUI SI
PERINGKAT KEBANGSAAN ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**



Alor Setar, 10 Oktober 2015 - Karnival Bahasa Jiwa Bangsa 2015 peringkat kebangsaan yang berlangsung di Stadium Abdul Halim, Jalan Suka Menanti anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sempena menyambut Bulan Bahasa Kebangsaan. Karnival ni bertujuan untuk memantapkan, memperkukuhkan serta mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia. Terdapat pelbagai program yang telah dirangka sebagai pengisian dalam Karnival tersebut. Antaranya ialah Pertandingan Lagu Puisi yang disertai oleh pelajar antarabangsa.

Pusat Bahasa UUM telah menghantar dua kumpulan yang terdiri daripada pelajar dan bekas pelajar yang mengambil Kursus Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing. Kumpulan pertama terdiri daripada pelajar dari China iaitu Wang Helin dan Zheng Yutong dan kumpulan kedua terdiri daripada Belina (Indonesia), Victor dan Abdur Rahman (Nigeria). Kedua-dua pasukan ini telah mendapat persaingan yang hebat daripada pelajar UniMap dan USM.

Kumpulan kedua (Belina, Victor dan Abdur Rahman) yang telah menggelarkan diri mereka sebagai Kumpulan Lima Bintang yang menyanyikan lagu “Masihkah Kau Ingat” dendangan Kopratasa telah mendapat tempat kedua, yang membawa pulang wang tunai RM 600, hadiah iringan dan sijil penyertaan. Manakala kumpulan pertama mendapat hadiah sagu hati berupa hadiah iringan dan sijil penyertaan. Setiap peserta yang menyertai pertandingan merasa amat gembira kerana diberi peluang untuk mempamerkan bakat dan dapat mengasah penguasaan bahasa Melayu dari segi sebutan dan penghayatan dalam memahami setiap bait-bait lagu puisi. Diharapkan agar pada tahun-tahun akan datang akan lebih banyak peluang dan ruang untuk pelajar antarabangsa menonjolkan bakat mereka ke pentas yang lebih besar.

=====

DARIPADA:
PUSAT BAHASA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 5707
FAKS: 04-928 5709

